

10 AUG 1996
Unimas-Taman
TAMAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI SARAWAK

KOTA SAMARAHAN, 10 Ogos (Bernama) -- Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bercadang membina Taman Penyelidikan Maya yang berasaskan kecanggihan teknologi maklumat terkini.

Naib Canselornya Prof Datuk Zawawi Ismail berkata taman itu akan membolehkan penyertaan industri secara meluas dan tidak terhad kepada syarikat tempatan.

" Penubuhan Taman Penyelidikan Maya itu kelak dapat memberi Unimas manfaat daripada usaha projek Koridor Raya Multimedia yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini," katanya dalam ucapan sempena Hari Terbuka dan pelancaran Taman Penyelidikan Unimas, di sini hari ini.

Pelancaran dilakukan Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Ahmad Zaidi Adruce Mohammed Nor, yang juga Canselor Unimas.

Mengenai Taman Penyelidikan Unimas, Zawawi berkata, ianya bertujuan mewujudkan suasana dan keadaan yang menarik dan sesuai bagi pertemuan antara kepakaran universiti dan keusahawanan industri.

Taman Penyelidikan Unimas yang akan dibina di kawasan seluas 688.5 hektar di sini akan menumpukan kajian antaranya dalam bidang teknologi maklumat, bioteknologi perubatan, elektronik dan telekomunikasi.

Setakat ini dua syarikat telah menyatakan minat untuk menggunakan sepenuhnya Taman Penyelidikan itu -- Venture Technologies Sdn Bhd, sebuah syarikat bioteknologi perubatan berdaftar di Pulau Pinang, dan Consys Engineering Sdn Bhd, sebuah syarikat kejuruteraan eletronik dan teknologi maklumat.

Taman itu adalah di bawah Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti Unimas.

- BERNAMA
RDY AHH